

01 JUN 2000

Mahathir-Laut

SISTEM PENGAWASAN LAUT KURANGKAN RISIKO KEMALANGAN DAN PENCEMARAN

PELABUHAN KLANG, 1 Jun (Bernama) -- Malaysia sebagai sebuah negara maritim perlu mempunyai satu teknik dan mekanisme pengurusan trafik perkapalan dan sistem pengawasan laut yang cekap, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ia bagi mengawasi dan dapat bertindak segera menangani sesuatu kejadian yang boleh menjejaskan kepentingan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata dengan suasana perdagangan semasa dan masa akan datang yang semakin mencabar dan berdaya saing tinggi bagi memenuhi keperluan sosio ekonomi negara, sistem pengawasan laut yang berkesan adalah begitu mustahak.

Ini kerana sistem pengawasan laut yang berkesan boleh mengurangkan risiko kemalangan dan pencemaran dan pada masa yang sama meningkatkan kualiti serta produktiviti perairan.

"Dengan peningkatan kapal-kapal bersaiz besar seperti `post-Panamax vessel' dan `fourth and fifth generation container ship' yang dapat menggunakan hanya satu pertiga daripada lebarnya Selat Melaka menyebabkan pengendalian menjadi lebih sukar," katanya semasa melancarkan Sistem Pengawasan Laut Malaysia di ibu pejabat Jabatan Laut di sini.

Dengan bertambahnya kapal-kapal pengangkutan muatan berbahaya, pengurusan trafik secara pasif seperti yang dilaksanakan sebelum ini tidak lagi sesuai, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata peningkatan pelbagai aktiviti perairan dan selain daripada keadaan cuaca buruk adalah antara faktor penyebab berlakunya kejadian perlanggaran yang mengakibatkan pencemaran marin.

Katanya beberapa perlanggaran besar telah berlaku di perairan Selat Melaka mengakibatkan bukan sahaja pencemaran yang memudaratkan hidup marin tetapi juga melibatkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa.

Kemalangan seumpama itu menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos pembersihan pencemaran yang berjumlah berjuta ringgit.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menyedari hakikat keperluan mewujudkan satu sistem pengawasan laut yang efisien dan efektif pada 1980, apabila kawasan perairannya menjadi luas, hasil perisytiharan zon ekonomi eksklusif (ZEE).

Ia juga berkaitan dengan kedudukan geografi Malaysia yang dipisahkan oleh perairan dan lokasi strategik Selat Melaka dan Laut Cina Selatan, yang menjadikannya tumpuan utama laluan perkapalan.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM100 juta untuk membangunkan sistem pengawasan laut yang serba modern pada 1994.

"Peruntukan yang sebegitu besar membuktikan negara kita komited dan prihatin terhadap aspek keselamatan pelayaran di rantau ini khususnya, dan komuniti perkapalan antarabangsa amnya," katanya.

Perdana Menteri berkata sistem pengawasan laut Malaysia adalah antara yang pertama di dunia berkonsepkan pengawasan radar pesisiran pantai dibangunkan di Selat Melaka kerana kepentingan strategik perairan itu, yang merupakan antara perairan tersibuk di dunia selepas selat Dover dan Gibraltar.

Sistem pengawasan laut Malaysia telah dibangunkan pada tahun 1994 dan disiapkan bulan Mac lepas. Ia berasaskan kepada rangkaian radar yang dibina sepanjang pesisiran pantai Selat Melaka bermula dari Tanjung Kemarung, Langkawi di utara sehingga Bukit Pengerang, Johor di selatan.

Ia direkabentuk bagi mengesan dan mengawasi pergerakan kapal-kapal secara tepat masa dan mempunyai keupayaan berkomunikasi antara kapal dengan pihak berkuasa pantai bagi membantu dan memberi nasihat pandu arah kepada kapal-kapal dalam semua keadaan.

Dr Mahathir berkata pelayaran melalui Selat Melaka dapat menjimatkan

kos yang dianggarkan lebih 150 bilion dolar Amerika setahun berbanding dengan penggunaan laluan alternatif terdekat iaitu Selat Lombok Makassar.

Beliau berkata kewujudan sistem pengawasan itu selaras dengan keperluan Konvensyen Undang-undang Laut 1982 dan resolusi Pertubuhan Maritim Antarabangsa bagi memelihara dan meningkatkan tahap keselamatan pelayaran serta mengurangkan risiko pencemaran.

Perdana Menteri percaya ciri-ciri keselamatan yang memenuhi piawaian antarabangsa itu akan mendorong menjanakan perkembangan ekonomi negara rantau ini khususnya di kawasan pertumbuhan segi tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) di utara Selat Melaka dan Singapura-Johor-Riau (SIJORI) di bahagian selatan.

Beliau berkata kerajaan yang menekankan dasar penggunaan pelabuhan tempatan bagi mengurangkan imbalan defisit dagangan negara yakin penggunaan sistem pengawasan itu dapat menarik minat lebih banyak syarikat perkapalan untuk menggunakan pelabuhan tempatan.

"Perkembangan seumpama ini akan membantu kerajaan mencapai matlamatnya menjadikan Pelabuhan Klang sebagai sebuah pusat serantau," katanya.

Perdana Menteri juga yakin ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan industri hiliran pelabuhan seperti industri maritim iaitu pembinaan, pembaikan dan penyenggaraan kapal.

-- BERNAMA

HS AZH MOT NAK RON